

TARIKH	SELASA, 5 JULAI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	SPA LAKSANA TEMU DUGA SECARA MAYA
M/S	9
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

SPA laksana temu duga secara maya

Kangar: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) kini melaksanakan sesi temu duga calon perkhidmatan awam secara maya seiring keperluan dan teknologi semasa.

Pengerusinya, Tan Sri Zainal Rahim Seman, berkata pelaksanaan temu duga secara dalam talian memberi lebih pilihan dan fleksibiliti kepada calon dan panel terbabit, di samping menjimatkan kos.

Beliau berkata, ketika pandemik COVID-19 SPA menjalankan

temu duga secara maya dan kaedah itu mendapat maklum balas yang baik daripada masyarakat.

“Walaupun pandemik COVID-19 berlaku ketika itu, kita tidak hadkan temu duga kita kepada secara fizikal. Setiap tahun, dianggarkan antara 23,000 hingga 25,000 penjawat awam bersara dan wujud jawatan baharu.

“Purata 16,000 hingga 18,000 calon yang ditemuduga SPA berjaya ditempatkan dalam per-

khidmatan kerajaan dan 45 peratus hingga 75 peratus calon terbabit ditemuduga secara dalam talian.

“Proses temu duga ini sama seperti temu duga secara fizikal. Jika calon yang ditemuduga adalah 1,000 orang, potensi yang boleh kita lantik adalah antara 55 peratus hingga 60 peratus,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA di Pusat Transformasi Bandar (UTC), di sini, semalam.

DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM